

UNIT 9: Bumi

• Tema: Bumi dan Sains Angkasa

PBD GRAVITI BUMI

Lengkapkan laporan penyiasatan di bawah. SP9.1.1 TPI


Aktiviti: Daya tarikan graviti Bumi

Apa yang diperlukan:

Tali, kad manila (warna merah)

Apa yang perlu dilakukan:

1. Buat satu bulatan pada kad manila sebesar kad tersebut. Gunting dan letakkan di atas lantai.
2. Minta seorang kawan (A) berdiri di atas kad manila tersebut. Dia akan mewakili Bumi.
3. Minta seorang lagi kawan (B) berdiri pada arah yang bertentangan dan menjauhi kawan (A) pertama tadi. Dia akan mewakili satelit.
4. Kedua-dua kawan kamu akan memegang kedua-dua hujung tali.
5. Kawan (B) yang mewakili satelit akan bergerak mengelilingi kawan (A) yang berdiri mewakili Bumi sambil memegang tali.



Keputusan:

Apakah yang berlaku kepada kawan B?

Dia berjalan dalam _____ sambil _____ ke arahnya.


Kesimpulan:

Gariskan jawapan yang betul.

Bumi sentiasa _____ objek ke arah Bumi dengan daya graviti.

PBD DAYA TARIKAN GRAVITI BUMI

Seorang murid telah menjalankan satu eksperimen seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.




(a) Penyedut minuman dipegang secara mendatar seperti dalam rajah. Dalam arah manakah klip kertas itu berada?

(b) Apabila penyedut minuman dipegang secara menegak, klip kertas akan menghala ke bawah. Mengapa?

Kerana _____ bumi menarik klip kertas _____.

(c) Rajah di bawah menunjukkan seketul plastisin yang telah diletakkan di atas sebuah glob. Sebatang pencungkil gigi telah dicucuk pada plastisin itu.



i. Apakah yang akan berlaku kepada pencungkil gigi selepas glob diputarakan? Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

☐ Pencungkil gigi tidak akan jatuh.

☐ Pencungkil gigi akan jatuh.

ii. Berikan alasan kamu.
